

15/02/2003

Nik Aziz mahu bertanding sampai mati

KOTA BHARU: Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat semalam mengumumkan beliau akan bertanding pada pilihan raya umum akan datang.

Sehubungan itu, beliau menegaskan Pas akan mengekalkan tradisi menyenaraikan golongan ulama sebagai calon parti itu, selain mengetengahkan kelompok profesional yang berkelayakan bagi mengimbangi kepemimpinan parti.

"Insya-Allah, (akan terus bertanding)... kalau boleh saya nak bertanding sampai mati, baru puas hati.

"Saya nak kalau boleh (calon) mesti ada asas ilmu agama, tak kiralah apa bahagian pun asalkan asasnya agama (supaya) dapat menghindar rasuah, tidak salah guna kuasa dan harta kerajaan kerana dia sedar dia hamba Allah.

"Kesedaran itu datangnya daripada ajaran agama dan orang yang tak belajar agama tak akan perasan dia hamba Tuhan, dia cuma hamba duit," katanya kepada pemberita selepas merasmikan penutupan Ijtimak Ulama Pas Parlimen Pengkalan Chepa, di markas Pas kawasan berkenaan, semalam.

Ditanya sama ada Pas akan mencontohi Umno yang mungkin menamakan calon pilihan raya lebih awal di Kelantan dan Terengganu sebagai persiapan, beliau berkata keputusan mengenai perkara itu dalam bidang kuasa Pas Pusat.

Sebelum ini, Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Mustapa Mohamed, mengemukakan saranan majoriti ketua Umno bahagian negeri agar calon pilihan raya Umno diumumkan lebih awal bagi membolehkan rakyat mengenali dan selesa mendekati pemimpin mereka selaras usaha mengukuhkan kedudukan parti. Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata cadangan itu akan dipertimbangkan.

Nik Abdul Aziz yang juga Mursyidul Am Pas berkata, Pas melihat kepemimpinan ulama perlu mempunyai kesinambungan dan akan terus relevan, terutama dalam keadaan politik semasa negara ini

"Pimpinan ulama akan relevan selama-lamanya kerana pengetahuan yang dimiliki golongan ini adalah hasil ilmu wahyu, iaitu sesuatu yang tidak boleh dicetuskan menerusi akal atau logik.

"Pengisian agama dan akademik mesti saling bersaing serta seimbang kerana ilmu akademik adalah pendedahan kuasa Allah di muka dunia, manakala ilmu agama penting untuk menyedarkan kita bahawa manusia adalah hamba Tuhan.

"Keseimbangan itu juga penting bagi kita mengembangkan Islam kerana ilmu Islam kini diajar di serata dunia, termasuk di negara bukan Islam. Islam yang ada sekarang ni Islam syumul dan komprehensif, bukan terhad kepada aspek ibadat dan ini yang membuatkan Amerika dan Yahudi marah sangat," katanya.